

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : DANA USAHAWAN KAUM INDIA

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah itu SITHAM?

- b) Apakah peranan SITHAM dalam pengagihan dana usahawan kaum india dan berapakah jumlah pemohon yang telah menerima dana tersebut?

- c) Berapa jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk program ini?

JAWAPAN:

- a) *SITHAM* merupakan singkatan atau akronim bagi *Selangor Inthiyar Tholil Arvalar Maiyam* yang membawa maksud Pusat Pembangunan Usahawan India Selangor (PPUIS).

SITHAM juga membawa maksud Sifat Keazaman (*Determination / Will*) yang kukuh dalam diri Usahawan.

SITHAM merupakan penjenamaan semula bagi PPUIS dan masih mengekalkan fungsi serta halatuju yang sama seperti PPUIS iaitu sebagai *One Stop Center*.

Objektif penubuhan *SITHAM* ini adalah seperti berikut :

- i) Menaiktaraf kehidupan ekonomi menerusi janaan pendapatan melalui kemahiran sendiri;
- ii) Melahirkan usahawan India yang berpengetahuan sifar kepada usahawan mikro; dan
- iii) Medium kepada masyarakat India yang berpotensi untuk meningkatkan daya saing melalui latihan keusahawan dan latihan kemahiran.

(b) dan (c) dijawab bersekali,

Program Pembangunan Usahawan India Selangor (PPUIS) ini diterajui oleh jawatankuasa pemandu (steering committee), manakala pelaksanaan program dikelolakan oleh beberapa pihak seperti berikut :-

JK Pemandu

- YB EXCO Pembangunan Usahawan
- Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang terpilih (daripada kaum India)
- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
- HIJRAH Selangor
- Ketua-Ketua Komuniti India Selangor yang terpilih

Pelaksanaan Program dan Sasaran Peserta

- Taklimat / Outreach di 12 Pihak Berkuasa Tempatan dengan sasaran 100 orang peserta bagi setiap PBT
- Geran Bantuan Peralatan Perniagaan melalui Pejabat Daerah dan UPEN dengan sasaran 180 orang peserta
- GROW melalui HIJRAH Selangor dengan sasaran 35 orang peserta secara bimbingan (mentor-mentee) dan bantuan peralatan
- Kursus Kemahiran dan Pembuatan (Kursus Jangka Pendek) dengan sasaran 25 orang peserta bagi setiap kursus
- Latihan Pembangunan Usahawan (Pengurusan, Kewangan, Marketing) dengan sasaran 25 orang peserta bagi setiap latihan.

Peruntukan Program 2019

- Bajet yang diluluskan adalah RM1 juta
- Pelaksanaan program dijangka melibatkan anggaran kos sebanyak RM 579,000.000 seperti berikut :-
 - Taklimat / Outreach : RM 60,000.00
 - Geran Peralatan : RM 156,000.00
 - GROW : RM 218,000.00
 - Latihan (termasuk Promosi) : RM 145,000.00
- Program ini dilaksanakan selama 3 bulan dan kos sebenar pelaksanaan akan diketahui setelah tamat program PPUIS dan laporan pelaksanaan program dikeluarkan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : MASALAH PENGURUSAN PANGSAPURI KOS RENDAH

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Prihatin Selangor telah menyediakan berpuluh ribu rumah kos pangsapuri rendah di bawah Skim Rumah Selangorku. Apakah perancangan Kerajaan Negeri sekiranya pihak JMB atau berkaitan tidak mampu menguruskan rumah-rumah ini akibat yuran penyelenggaraan yang terlalu rendah atau tidak dibayar?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka perlu bertanggungjawab untuk menyelenggara dan mengurus bangunan pangsapuri mereka sendiri. Peruntukan akta berkenaan jelas menyatakan hak-hak dan tanggungjawab pemilik-pemilik petak terhadap pengurusan unit pangsapuri yang mereka beli dan miliki.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meringankan masalah pengurusan pangsapuri kos rendah yang tidak mampu menguruskan bangunan akibat yuran penyelenggaraan yang terlalu rendah atau tidak dibayar. Antara inisiatif tersebut ialah memberi pendedahan dan latihan kepada pihak Pengurusan atau Badan Pengurusan Bersama (JMB) berkenaan peranan mereka melalui Akta Pengurusan Strata 2013 (757) untuk mengutip tunggakan caj penyelenggaraan di kalangan pemilik-pemilik tegar. Pihak JMB yang ditubuhkan mempunyai kuasa untuk mengutip caj penyelenggaraan daripada pemilik untuk tujuan pengurusan dan penyelenggaraan di bawah Seksyen 21 (subseksyen 2), dan dan seksyen 33, Akta Pengurusan Strata 2013 (757). Selain itu, JMB diberi penerangan berhubung mekanisme membawa pemilik-pemilik tegar ini ke mahkamah atau Tribunal Pengurusan Strata bagi tujuan mendapatkan hutang yuran pengurusan.

Inisiatif kedua, Kerajaan Negeri turut akan membekalkan sistem pengurusan kewangan strata kepada setiap JMB/MC di negeri Selangor untuk memantapkan pengurusan kewangan terutama dari aspek pengurusan kutipan dan pengurusan

kos. Sistem ini dapat membantu JMB merancang dan meneliti kadar pengenaan yuran penyelenggaraan bersesuaian dengan kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Latihan penggunaan sistem akan dilaksanakan secara berperingkat supaya pemahaman penggunaan dan impak ke atas penyediaan sistem ini dapat disampaikan secara terus kepada pihak JMB/MC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : RIZAB KERAJAAN NEGERI SELANGOR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi terkini akaun bersatu dan dalam simpanan rizab Kerajaan Negeri sehingga September tahun 2019?
- b) Nyatakan perbezaan dari tahun 2017, 2018 dan sehingga september 2019 rizab Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Saya ingin menjawab secara bersama soalan yang dikemukakan YB Sungai Panjang (soalan 276) yang bertanyakan soalan yang sama tentang Rizab Kerajaan.

YB Hulu Bernam bertanyakan prestasi terkini Akaun Disatukan (*Consolidated Fund*) atau lebih dikenali dengan nama Kumpulan Wang Disatukan. Prestasi kewangan terkini Kumpulan Wang Disatukan pada 30 September 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak 4.93 peratus kepada RM2,240.66 juta berbanding RM2,135.37 juta pada tahun 2018. Rizab Simpanan Kerajaan Negeri merupakan Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan. Baki Rizab Simpanan Kerajaan Negeri sehingga 30 September 2019 adalah sebanyak RM23.83 juta bagi Wang Tunai dan RM2,216.83 juta bagi Pelaburan.

Seterusnya YB Sungai Panjang (soalan 276) bertanyakan jumlah terkini Rizab Kerajaan. Rizab Kerajaan Negeri Selangor adalah dipegang bagi maksud Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan Rizab Kerajaan pada 30 September 2019 adalah sebanyak RM2,240.66 juta yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM828.79 juta, Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM1,401.78 juta dan Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak RM10.09 juta.

YB Sungai Panjang (soalan 276) turut bertanyakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan kedudukan Rizab Kerajaan dalam keadaan yang sihat. Jawapan kepada soalan ini akan menjuruskan secara spesifik kepada Akaun Hasil Disatukan. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan Rizab Kerajaan melalui peningkatan di dalam prestasi kutipan hasil, mengawal perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan serta memastikan peningkatan kedudukan kewangan di dalam Akaun Hasil Disatukan.

Di antara usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Rizab Kerajaan di dalam keadaan baik adalah dengan memperkemas dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah penjimatan di dalam menguruskan perbelanjaan wang awam. Kerajaan Negeri sentiasa menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban serta akauntabiliti dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*) melalui kaedah perolehan yang holistik seperti berikut:

- i. Mengwujudkan sistem tender terbuka didalam semua perolehan Kerajaan Negeri.
- ii. Kaedah Penilaian secara "Cut Off" iaitu penentuan harga munasabah berdasarkan nilai projek.
- iii. Mengeluarkan pekeliling perbelanjaan berhemah

Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha meningkatkan kedudukan kewangan dengan memastikan pengurusan rezab diurus dengan cekap dan teratur dan memastikan segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi kewangan dari aspek kutipan hasil adalah seperti berikut :

- (i) Sesi *engagement* yang berterusan oleh pihak Pejabat Tanah Galian Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah dengan pihak pemohon dan syarikat sekiranya terdapat isu atau masalah dalam menjelaskan premium yang dikenakan;
- (ii) Melaksanakan kutipan cukai petak bagi pembangunan berstrata selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) yang telah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018;

- (iii) Operasi Mengutip Cukai Tanah tertunggak ke atas penunggak tegar dan van kaunter kutipan hasil cukai tanah bergerak;
- (iv) Program Perjumpaan Bersama Penduduk oleh Pejabat Daerah / Tanah dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi urusan permohonan pindah milik / hakmilik strata dan membuka kaunter bayaran cukai tanah;
- (v) Penguatkuasaan oleh Unit Cukai Hiburan Perbendaharaan Negeri Selangor ke atas pengusaha Pusat Hiburan / Panggung Wayang / Taman Tema / Litar Lumba / Pertunjukan Pentas bagi memastikan duti hiburan diterima oleh Kerajaan Negeri;
- (vi) Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebih tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;
- (vii) Pengenaan Caj Royalti bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;
- (viii) Pengenaan Caj Fi Premium Kawasan, Permit Penggunaan serta caj-caj fi yang berkaitan penggunaan kawasan Hutan Simpanan Kekal dan pengeluaran hasil hutan berdasarkan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan) 2017 yang telah dinaikkan kadar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;
- (ix) Melaksanakan semakan semula kadar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar pada 11 tahun dahulu;
- (x) Merangka pengenaan Fi Pemprosesan dan Wang Cagaran Permohonan Papan Iklan di dalam Rizab Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri;
- (xi) Melaksanakan Akta 795 berkaitan *Access Benefit Sharing* (ABS) yang bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan. Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan; dan

- (xii) Merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur). Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

- b) Secara perbandingannya jumlah Rizab Kerajaan atau Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM2,838.81 juta, berkurang kepada RM2,135.37 juta atau sebanyak 32.94% berbanding tahun 2018. Pengurangan jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 adalah disebabkan oleh pengurangan kutipan hasil sebenar iaitu RM1,998.51 juta berbanding kutipan hasil tahun 2017 iaitu sebanyak RM2,810.10 juta. Kumpulan wang Disatukan pada 30 September 2019 mengalami peningkatan kepada RM2,216.83 juta. Pada tahun 2019 ini, baki Akaun Hasil Disatukan akan diunjurkan terus menyusut kerana komitmen peruntukan pembangunan yang telah diluluskan oleh dewan yang mulia ini untuk kesejahteraan rakyat Negeri Selangor berjumlah RM1.40 bilion. Jumlah ini termasuk peruntukan tambahan sebanyak RM123 juta yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 31 Julai 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : KLUSTERISASI GUGUSAN-GUGUSAN

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program klusterisasi seperti yang telah diumumkan di dalam pembentangan bajet yang lalu?

JAWAPAN:

- a) Setelah pengumuman mengenai Inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor dibuat pada pembentangan bajet yang lalu, terdapat beberapa siri mesyuarat, perbincangan dan persidangan yang telah diadakan bagi memastikan semua agensi terlibat memahami dan bersedia dalam merealisasikan perancangan di bawah inisiatif ini. Kerajaan Negeri melalui UPEN telah mengadakan Bengkel Klusterisasi Negeri Selangor pada 28 hingga 29 Mac dan hasil bengkel telah dibentangkan di *Retreat EXCO* Kerajaan Negeri Selangor pada 1-2 April 2019. Seterusnya, UPEN juga telah membentangkan Kertas Makluman mengenai Status Kemajuan Klusterisasi Negeri Selangor pada bulan Julai dan mencadangkan beberapa perubahan berdasarkan kepada keperluan dan kesesuaian semasa. Perubahan tersebut adalah:
- i) pemurnian ke atas kluster asal:
 - Kluster Industri Teknologi Tinggi dan *Science Park* ditukar kepada Kluster Sains dan Teknologi Tinggi;
 - Kluster Pertanian & Industri Asas Tani dan Kluster Perikanan & Akuakultur digabungkan bersama dan ditukar kepada Kluster Pertanian; dan
 - Kluster Ekonomi Bandar ditukar kepada Kluster Ekonomi Digital
 - ii) Kluster Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan memfokuskan kepada tiga (3) sektor utama iaitu:
 - Halal;
 - Bioteknologi; dan
 - Pelancongan Kesihatan (*medical-tourism*)

- iii) Empat (4) kluster yang diketuai oleh Invest Selangor Berhad (ISB) disuaipadankan semula dengan Pelan Induk Perindustrian Selangor (*Selangor Industrial Master Plan Study*)

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dan proses pemantauan setiap pelan tindakan yang dirancang bagi setiap kluster, Jawatankuasa Pemandu Klusterisasi Negeri Selangor telah ditubuhkan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor dan pertama kali bersidang pada 15 Mei 2019 yang lalu, manakala Jawatankuasa Teknikal Klusterisasi Negeri Selangor telah ditubuhkan di peringkat sektoral.

Kerajaan Negeri melalui UPEN telah mengumpul data di peringkat negeri, nasional dan dunia bagi meneliti kekuatan sedia ada serta sasaran (*forecast*) kluster-kluster yang terlibat untuk membolehkan satu mekanisme ukuran atau *objective setting* terhadap pencapaian kluster. Seterusnya, pelan tindakan turut dirangka bagi tempoh jangka pendek (2019-2020 – 2 tahun) dan jangka panjang (2021 -2025 – 5 tahun) dan pemantauan kepada pelan tindakan (*action plan*) dan aktiviti akan dibuat oleh Kerajaan Negeri 4 bulan sekali melalui pembentangan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor.

Bagi Kluster Industri Aeropolis dan Aeroangkasa, sebanyak 62% industri berasaskan aeroangkasa berada di Selangor dan Subang merupakan pemain utama yang telah menyumbangkan 34% dengan jumlah syarikat sebanyak 70 berbanding 200 syarikat di Malaysia. Sebanyak RM 1.7 bilion pendapatan dan 55,000 pekerjaan dijana setiap tahun dan Kerajaan Negeri mensasarkan sebanyak RM 2 bilion pendapatan serta 75,000 perkerjaan setahun dijana menjelang tahun 2025. Buat masa ini, jumlah pengendalian penumpang adalah sebanyak 3 juta setahun. Dijangka sebanyak lebih 5 juta penumpang akan menggunakan perkhidmatan penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Kompleks A di Subang juga merupakan Hab MRO pertama di Malaysia yang satu-satunya dilengkapi kemudahan Aerodrome di rantau Asia. Dengan proses rejuvenasi di dalam kluster ini, maka kemudahan dan perkhidmatan akan dapat ditambah baik dan Subang bakal menjadi hab serantau bagi "Business Aviation" dan hab MRO di Asia Tenggara bertaraf dunia.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada Kluster Pertanian memandangkan pertanian dan perikanan merupakan sektor yang penting dalam menjamin bekalan makanan atau *food security* rakyat Negeri Selangor. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sektor pertanian tahun 2018 adalah sebanyak 1.4% dengan nilai sebanyak RM 4.6 bilion. Dijangkakan pada tahun 2026, KDNK sektor pertanian Selangor dari segi nilai akan meningkat kepada RM 6 bilion. Peningkatan ini akan disokong oleh pengeluaran hasil produk-produk pertanian yang berteraskan penggunaan teknologi-teknologi moden. Selain itu, penekanan

terhadap prinsip *Precision Agriculture* termasuk *Good Agriculture Practices* (GAP) serta pembukaan kawasan-kawasan pertanian baharu dengan penanaman produk pertanian bernilai tinggi (*High Value Agriculture Products*) akan turut diberikan.

Sebagai contoh projek penanaman *Golden Melon* di Selangor Fruit Valley seluas 3 ekar yang sedang dalam penyediaan tapak dan akan bermula tahun ini di mana tempoh pengeluaran hasil akan mula diperolehi dalam tempoh 3 bulan. Pengeluaran hasil dijangka bernilai RM150,000 sekali tuaian dengan harga jualan di pasaran sebanyak RM10-12 setiap kilogram. Dengan tempoh yang singkat, dengan keluasan yang minima, namun hasil yang bakal diperolehi oleh pengusaha boleh mencecah sehingga RM600,000.00 setahun nilai jualan. Oleh yang demikian, saya percaya sektor pertanian selepas ini bukan sekadar meraih pendapatan sampingan malah ianya boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan utama dan mengurangkan kebergantungan kepada bidang pekerjaan yang semakin mengecil khusus kepada generasi muda. Begitu juga dengan klusterisasi yang lain, tumpuan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kluster-kluster tersebut berkembang dan menjana ekonomi setempat.

Ingin saya jelaskan bahawa semua projek-projek dan program-program pembangunan serta industri ini telah pun berjalan, namun begitu, dengan adanya klusterisasi, ianya akan memberi impak yang lebih besar dan cepat serta lebih terancang bagi menjana ekonomi yang mampan, dinamik dan inovatif. Akhirnya kesan ini akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PROSES PEWARTAAAN STATUS TANAH BAGI 52 JETI-JETI NELAYAN
DI NEGERI SELANGOR BAGI MEMBOLEHKAN PEMBANGUNAN DAN
BAIKPULIH JETI-JETI NELAYAN**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor telah mula melakukan proses Pewartaan Status Tanah bagi 52 Jeti-jeti Nelayan di Negeri Selangor?
- b) Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor telah mula melakukan proses pewartaan, apakah status proses pewartaan tersebut dan bila dijangka siap?

JAWAPAN:

- a) Permohonan jeti bagi keseluruhan jeti-jeti di bawah seliaan LKIM iaitu sebanyak 51 buah jeti telah diluluskan secara dasar di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor Bil.4/2015 yang diadakan pada 7 Disember 2015. Lembaga telah mengeluarkan surat pemakluman kelulusan kepada LKIM pada 26 Januari 2016 di mana LKIM perlu mendapatkan kelulusan penggunaan tanah daripada Pentadbir Tanah sebelum Lembaga mengeluarkan lesen jeti. Sehingga hari ini, Lembaga masih belum menerima sebarang permohonan lengkap atau pelan ukur bagi semua jeti daripada LKIM untuk pengoperasian jeti. Semakan status terkini dengan pihak LKIM mendapati kerja-kerja pengukuran jeti-jeti LKIM telah selesai dijalankan dan dalam peringkat mengemukakan permohonan penggunaan tanah kepada pihak Pentadbir Tanah.
- b) Proses pewartaan akan mula dijalankan setelah permohonan dikemukakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KILANG SISA PLASTIK IMPORT HARAM

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan tolakan dari orang awam yang tegas terhadap kilang sisa plastik import haram, Apakah polisi kerajaan Selangor berkenaan perkara sebegini ?

- b) Berapa permit telah dikeluarkan untuk kelulusan proses sisa-sisa plastik import?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT dan agensi berkuasa berkaitan sememangnya menjalankan operasi bersepadu bagi menutup kilang plastik haram yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan PBT juga berusaha memantau aktiviti ini di kawasan masing-masing daripada merebak ke kawasan baru.

Justeru itu, bagi mengawal aktiviti tersebut yang boleh menyumbang kepada kesan alam sekitar dan kesan nilai ekonomi, Kerajaan Negeri meletakkan syarat kepada PBT supaya mempertimbangkan permohonan lesen yang mempunyai kelulusan permit import (AP) sisa plastik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan mempunyai kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sahaja.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, PBT tiada kaitan dengan pengeluaran Permit Import (AP) Sisa Plastik dan tidak mengeluarkan sebarang Permit Import (AP) kerana ia dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. PBT hanya memproses syarat-syarat teknikal yang melibatkan kelulusan Kebenaran Merancang, kelulusan Pelan Bangunan dan memperolehi cadangan teknikal daripada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu sebelum pihak PBT mempertimbangkan kelulusan lesen perniagaan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : MENAIKTARAF PUSAT PELANCONGAN

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek menaiktaraf pusat pelancongan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019?
- b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf pusat pelancongan di Selangor pada tahun 2019?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali.

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM1.5 juta** bagi tujuan menaiktaraf produk-produk pelancongan negeri. Sehingga 30 Oktober 2019, Kerajaan Negeri telah dan sedang melaksanakan projek-projek menaik taraf produk pelancongan dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.393 juta seperti berikut:

BIL	PROJEK	LOKASI	AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM)
1	Menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat	Bukit Fraser	Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor	1,300,000.00
2	Menaik taraf Paparan <i>Digital Display Board</i> di Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Klang	Tourism Selangor Sdn Bhd	30,000.00
3	Kerja-kerja Menaiktaraf Kolam Air Panas Di Jalan Kachau Kg Pasir Baru Mukim Semenyih	Semenyih	Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat	63,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				1,393,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

TAJUK : KAD PEDULI SIHAT

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan memansuhkan kuota/bilangan penerima yang had di dalam sesebuah kawasan DUN?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memansuhkan sistem kuota DUN yang baru sahaja diguna pakai bermula Jun 2019 yang lalu. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan sentiasa mengkaji mekanisme terbaik dan melihat semula keberkesanan sistem kuota tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PEMBAKARAN TERBUKA DI TANAH PERSENDIRIAN

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani pembakaran terbuka oleh pekebun bagi tujuan pertanian?

- b) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani isu pembakaran belukar diatas tanah yang tidak diketahui pemiliknya terutama di kawasan Revolusi Hijau Johan Setia?

JAWAPAN:

- a) Terdapat beberapa jenis aktiviti pembakaran melibatkan pertanian yang diisytiharkan sebagai bukan pembakaran terbuka sebagaimana dinyatakan di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) 2003. Senarai aktiviti yang diisytiharkan sebagai bukan pembakaran terbuka adalah seperti di **Lampiran**. Walaubagaimanapun, sekiranya aktiviti pembakaran tersebut tidak terkandung dalam Perintah seperti yang dinyatakan di atas, Kerajaan Negeri mengambil tindakan berikut dalam usaha menangani pembakaran terbuka oleh pekebun, iaitu:
 - i. Bekerjasama dengan Jabatan Pertanian bagi memastikan pekebun-pekebun menggunakan kaedah selain pembakaran dalam melaksanakan aktiviti pertanian;

 - ii. Mewar-warkan mengenai larangan pembakaran terbuka di kawasan yang sering terbakar melalui pembinaan papan tanda, pengedaran risalah dan makluman melalui media; dan

 - iii. Menjalankan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah & Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka.

- b) Bagi aktiviti pembakaran terbuka yang dilakukan di atas tanah yang tidak diketahui pemilikan atau di atas tanah Kerajaan seperti rizab jalan, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah akan mengambil tindakan sebagaimana termaktub di bawah undang-undang Kanun Tanah Negara. Walaubagaimanapun, tanah-tanah di kawasan Revolusi Hijau Johan Setia keseluruhannya mempunyai pemilikan dan telah dikenalpasti oleh Pejabat Daerah/Tanah Klang. Bagi menangani kes pembakaran terbuka di Johan Setia, Kerajaan Negeri mengambil tindakan seperti berikut:-
- i. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah & Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka termasuk pemilik tanah;
 - ii. JAS, MPK dan PTD Klang bersama-sama menjalankan rondaan di sekitar Johan Setia bagi memantau aktiviti pembakaran terbuka terutama oleh petani-petani;
 - iii. Menjalankan operasi bersepadu bagi membanteras pendatang-pendatang tanpa izin yang menjalankan aktiviti pertanian di Johan Setia yang turut melibatkan pembakaran terbuka;
 - iv. Jabatan Pengairan dan Saliran, dan Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka dengan melaksanakan “water management system” melalui pembinaan “checkdam” dan pembinaan telaga air tanah (tubewell) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;
 - v. Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka

Contoh aktiviti pembakaran melibatkan pertanian yang diisytiharkan sebagai bukan pembakaran terbuka

1. Pembakaran apa-apa tumbuhan berpenyakit dan tumbuhan berbahaya dan kelengkapan pertanian yang berhubungan dengan tumbuhan berpenyakit dan tumbuhan berbahaya.
2. Pembakaran bangkai binatang, burung dan bahan yang dijangkiti.
3. Aktiviti-aktiviti lain yang dinyatakan dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan)(Pembakaran Terbuka) 2003

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PRESTASI KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM)
MENGURUSKAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN
AWAM DI NEGERI SELANGOR**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jumlah peruntukan dan kos perbelanjaan kepada KDEBWM untuk menguruskan pungutan sisa pepejal bagi seluruh PBT Selangor?
- b) Apakah jumlah peruntukan dan kos perbelanjaan ke tapak pelupusan sampah pada tahun 2017, 2018, 2019 mengikut setiap pihak berkuasa tempatan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, daripada keseluruhan dua belas (12) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) KDEBWM telah beroperasi di sebelas (11) PBT kecuali Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diberikan kepada KDEBWM oleh sebelas (11) PBT bagi menguruskan kerja-kerja kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam adalah sebanyak RM 400.70 juta setahun.

Dengan peruntukan ini, KDEBWM juga telah membuat pelaburan untuk menambahbaik kualiti serta mutu perkhidmatan kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam dengan mewujudkan *Centralized Command Centre (CCC)* bagi menguruskan semua aduan awam selain membeli lori kompaktor dan RORO baru yang dilengkapi dengan *Auto Vehicle Locating System (AVLS)* bagi memastikan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan berkesan.

Untuk rekod, jumlah peruntukan yang diberikan oleh PBT kepada KDEBWM ini adalah 16.88% lebih rendah atau kurang RM81.38 juta dari bajet asal yang dimohon oleh KDEBWM iaitu sebanyak RM482.08 juta. Dengan jumlah peruntukan yang diberikan serta pelaburan yang telah dikeluarkan oleh KDEBWM untuk membeli lori kompaktor dan RORO baru, perkhidmatan KDEBWM boleh dianggap sebagai *value for money*.

- b) Negeri Selangor menghasilkan sejumlah 7,270 tan sisa pepejal perbandaran sehari, di mana sebanyak 6,260 tan adalah sisa domestik. Sisa pepejal di Negeri Selangor dijangka meningkat dengan anggaran kadar 2 peratus setiap tahun disebabkan pembangunan yang semakin pesat dan penambahan penduduk.

Tapak-tapak pelupusan sisa pepejal dan sisa lengai yang dikendalikan oleh syarikat Worldwide Holdings Berhad menerima 88 peratus sisa pepejal dan sisa lengai daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Selangor.

Berdasarkan kepada perjanjian konsesi yang ditandatangani oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor dan pihak WHB, kadar yuran 'tipping' bagi sisa pepejal domestik adalah sebanyak RM 36.00 setiap tan, manakala untuk kadar yuran 'tipping' bagi sisa lengai adalah berdasarkan kepada jenis sisa yang hendak dilupuskan, dengan kadar purata sebanyak RM 17.00 setiap tan.

Kadar bayaran yuran 'tipping' tersebut perlu disemak selepas tiga (3) tahun tapak beroperasi dengan kadar kenaikan minimum sebanyak lima peratus (5%) daripada kadar sebelumnya untuk setiap (3) tahun. Walau bagaimanapun, kadar yuran 'tipping' yang dinyatakan di atas masih lagi digunapakai sejak tahun 2007 di setiap tapak pelupusan hingga sekarang.

Untuk makluman, jumlah purata harian sisa pepejal yang diterima oleh setiap PBT di tapak pelupusan untuk tempoh 2017 sehingga 2019 adalah seperti di lampiran. Berdasarkan maklumat di atas, purata jumlah kos perbelanjaan pelupusan sisa pepejal ke tapak pelupusan dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini adalah dianggarkan sebanyak RM 69 juta setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PENDIDIKAN KHUSUS TVET

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada usaha dari kerajaan untuk memberikan pendidikan TVET khusus bagi para pelajar yang gagal dalam akademik?

JAWAPAN:

a) Berikut adalah usaha dari kerajaan:

1. Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas *Smart* Selangor (IKTISASS) merupakan salah satu langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan negeri dalam melatih para pelajar bagi meningkatkan ekonomi dan kebolehpasaran lepasan sekolah dan graduan di Negeri Selangor.
2. Melalui Program IKTISASS pelbagai bidang latihan yang ditawarkan merangkumi semua lapisan termasuk lepasan sekolah dan graduan dengan kerjasama institusi latihan kemahiran, pihak industri dan kerajaan negeri. Program ini memberi fokus kepada 3 tahap bidang latihan iaitu industri di tahap rendah, sederhana dan industri berimpak tinggi.
3. Pada masa kini kerajaan negeri telah melaksanakan Program IKTISASS dengan kerjasama Kolej Antarabangsa INPENS dengan memberi tawaran kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dengan syarat yang minimum untuk menyambung pengajian dalam bidang kemahiran.
4. Walau bagaimana pun, melalui Jawatankuasa Teknikal IKTISASS di bawah Jawatankuasa tetap pendidikan dalam proses penyediaan ekosistem pendidikan IKTISASS di Negeri Selangor dan dijangka siap pada tahun 2020. Ekosistem IKTISASS yang merangkumi 3 elemen penting iaitu Industri, Institut Pendidikan Kemahiran dan Kerajaan Negeri di gabung jalinkan bagi memastikan program ini memberi impak kepada pembangunan sumber manusia dan seterusnya memacu ekonomi di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN
(N13 KUANG)**

TAJUK : PERANAN WKB2030

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Baru-baru ini kerajaan pusat telah melancarkan WKB2030. Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Negeri dalam merialisasikan WKB2030?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PELABURAN DALAM BIDANG AERO ANGKASA (KAWASAN SUBANG)

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah yang telah berjaya dan/atau akan dilaburkan?
- b) Apakah syarikat-syarikat yang telah terlibat dan berapa jumlah pelaburan tersebut telah di buat ?
- c) Apakah mekanisme yang telah di gunakan untuk memastikan bahawa pelaburan tersebut akan berjaya?

JAWAPAN:

- a) Jumlah yang telah berjaya dan / atau akan dilaburkan oleh syarikat – syarikat di kawasan Subang adalah sebanyak RM 91.5 juta.
- b) Antara syarikat – syarikat yang telah terlibat dalam pelaburan di kawasan Subang seperti Airod Techno power Sdn Bhd, UPECA Aerotech Sdn Bhd dan Afjets Sdn Bhd dengan jumlah pelaburan bernilai RM 91.5 juta
- c) Mekanisma yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan cadangan projek pelaburan dapat direalisasikan seperti berikut;-
 - i. **Networking / Engagement** - Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan sentiasa berhubung secara rapat dengan pihak syarikat bagi mendapatkan maklum balas berkenaan status projek dan permasalahan yang dihadapi.
 - ii. **Penyelarasan** – Invest Selangor akan menyelaraskan sebarang isu – isu atau permasalahan yang dilaporkan dengan agensi – agensi yang berkaitan samada di peringkat Kerajaan Negeri mahupun di peringkat Kerajaan Persekutuan.

- iii. **Fasilitasi** - Isu – isu atau permasalahan yang dipanjangkan akan dibentangkan dalam mesyuarat Penyelarasan Cadangan Projek Pembangunan yang diadakan setiap bulan di Invest Selangor, dimana mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB EXCO. Setiap agensi berkaitan yang telah dikenalpasti akan dijemput untuk hadir dalam mesyuarat ini bagi memberikan pandangan dan nasihat kepada pihak syarikat untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Melalui mesyuarat ini, ianya dapat memudahkan pihak syarikat untuk mendapatkan maklum balas dari pelbagai agensi dalam sesuatu masa.

- iv. **Koordinasi** – Setiap permasalahan yang dihadapi akan dikordinasikan mengikut agensi yang berkaitan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh pihak agensi dalam mesyuarat penyelarasan yang telah diadakan.

- v. **Pemantauan** – Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan membuat susulan dan pemantauan berkenaan status kemajuan projek dan juga isu yang dihadapi dari masa ke semasa bersama pihak syarikat dan agensi yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : BADAN PENGURUSAN BERSAMA FLAT (JMB)

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat banyak pangsapuri atau flat tiada JMB atau JMB kurang aktif. Tiada penduduk yang berminat menubuhkan JMB baru dan kutipan yuran penyelenggaraan tidak memuaskan. Hal ini menimbulkan kesukaran untuk menjalankan segala urusan. Apakah tindakan akan diambil demi menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka perlu bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri mereka. Peruntukan akta berkenaan jelas menyatakan hak-hak dan tanggungjawab pemilik-pemilik petak terhadap unit pangsapuri yang mereka beli dan miliki.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meringankan masalah pengurusan pangsapuri kos rendah ini yang tidak mampu menguruskan bangunan akibat yuran penyelenggaraan yang terlalu rendah atau tidak dibayar. Antara inisiatif tersebut ialah memberi pendedahan dan latihan kepada pihak Pengurusan atau Badan Pengurus dan Bersama (JMB) berkenaan peranan mereka melalui Akta Pengurusan Strata 2013 (757) untuk mengutip tunggakan caj penyenggaraan di kalangan pemilik-pemilik tegar. Pihak JMB yang ditubuhkan mempunyai kuasa untuk mengutip caj penyenggaraan daripada pemilik untuk tujuan pengurusan dan penyenggaraan di bawah Seksyen 21 (subseksyen 2), dan dan seksyen 33, Akta Pengurusan Strata 2013 (757). Selain itu, JMB diberi penerangan berhubung mekanisme membawa pemilik-pemilik tegar ini ke mahkamah atau Tribunal Pengurusan Strata bagi tujuan mendapatkan hutang yuran pengurusan.

Inisiatif kedua, Kerajaan Negeri turut akan membekalkan sistem pengurusan kewangan strata kepada setiap JMB/MC di negeri Selangor untuk memantapkan pengurusan kewangan terutama dari aspek pengurusan kutipan dan pengurusan kos. Sistem ini dapat membantu JMB merancang dan meneliti kadar peneanaan

yuran penyelenggaraan bersesuaian dengan kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Latihan penggunaan sistem akan dilaksanakan secara berperingkat supaya pemahaman penggunaan dan impak ke atas penyediaan sistem ini dapat disampaikan secara terus kepada pihak JMB/MC.

Inisitif bagi pangsapuri yang belum menubuhkan JMB/MC, kerajaan Negeri telah melaksanakan program Pemberdayaan Komuniti atau K-Squad. Program ini mengambilkira peranan Pesuruhjaya Bangunan (COB), di Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kuasa untuk melantik ejen pengurusan di bawah Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] untuk mengambilalih pangsapuri yang bermasalah tersebut. Di bawah program ini, COB akan mengenalpasti pangsapuri yang bermasalah dan melantik ejen pengurusan yang kompeten untuk menguruskan pangsapuri yang bermasalah ini. Bayaran fi kepada ejen akan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 6 bulan sahaja pada kadar RM6.00 seunit petak iaitu 50% lebih rendah dari kadar fi yang ditetapkan seperti Jadual 7, Akta Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah 1981 [Akta 242]. Jangkaan output yang akan diperolehi daripada program K-squad adalah pangsapuri kos rendah yang bermasalah dapat diuruskan secara teratur terutama melibatkan pengurusan kewangan selain memberi pendidikan kepada pemilik tentang budaya kehidupan strata yang berterusan agar memudahkan pengurusan pangsapuri diambilalih oleh JMB/MC selepas 1-3 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jarak paip air lama yang siap diganti dan baki yang masih belum diganti serta kos perbelanjaan keseluruhan?
- b) Nyatakan kadar peratusan non revenue water (NRW) terkini di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bagi program penggantian paip sepanjang 438 km yang telah bermula dari tahun 2016, sepanjang 365.16 km telah siap diganti manakala baki 72.84 km akan siap secara berperingkat sehingga pertengahan tahun 2020. Bagi tahun 2019, sepanjang 168 km lagi telah dikenalpasti dan sedang dalam peringkat rekabentuk dan tender. Jumlah peruntukan keseluruhan bagi program penggantian paip tahun 2016 hingga 2019 adalah sebanyak RM 526 juta.
- b) Kadar peratusan Non Revenue Water (NRW) terkini sehingga Ogos 2019 berada pada tahap 28.67%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PROGRAM PENGASINGAN SAMPAH

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan pengasingan sampah?
- b) Apakah anggaran kos yang boleh dijimatkan lepas melaksanakan pengasingan sampah?
- c) Apakah halangan untuk pelaksanaan pengasingan sampah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk membuat dasar dan undang-undang berkaitan pengasingan sampah. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah menyiapkan draf Rang Undang-Undang (RUU) Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor di mana pengasingan sampah adalah salah satu elemen di dalam enakmen tersebut. Hasrat ini juga telah dimaklumkan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memohon rundingan perkara ini. Sebagai langkah awal sementara draf RUU tersebut dibincangkan ke peringkat seterusnya, PBT Negeri Selangor telah mula melaksanakan program-program pengasingan sisa atau program kesedaran di kawasan masing-masing contohnya program pengasingan bahan kitar semula di rumah dan pengasingan sisa gerai-gerai atau pasar PBT.
- b) Tiada kajian terperinci berkenaan penjimatan kos selepas pengasingan sampah dilaksanakan. Namun, sekiranya program pengasingan sampah dilaksanakan diseluruh kawasan PBT, dijangka penjimatan boleh mencapai sehingga 10% hingga 20% daripada kos perbelanjaan pelupusan sampah PBT.
- c) Isu utama pengasingan sampah ialah kesedaran penduduk itu sendiri. Penduduk dilihat kurang berminat untuk melaksanakan pengasingan sampah walaupun terdapat usaha-usaha melalui kempen kesedaran, promosi dan sebagainya dilaksanakan di pelbagai peringkat. Berdasarkan tinjauan rambang dan

pemerhatian, antara sebab utama mengapa kurangnya sambutan di kalangan penduduk untuk melaksanakan pengasingan sampah ini adalah kerana mereka menganggap sistem imbuhan atau reward system sedia ada tidak berbaloi dan kurang menarik. Penduduk juga enggan membuat pengasingan kerana mereka tidak mahu mengeluarkan kos tambahan bagi membeli plastik yang berbeza warna bagi membuat pengasingan sampah.

Di peringkat kerajaan persekutuan, berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), hanya 10 peratus daripada 1.25 juta kediaman bertingkat di negeri-negeri yang tertakluk di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu, Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka, Perlis, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Johor yang melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca meskipun akta ini telah dikuatkuasakan sejak 1 Jun 2016. Melalui Akta 672 ini, kerajaan persekutuan telah mewajibkan pengasingan sisa pepejal di punca, malah di dalam akta ini juga, terdapat peruntukan advokasi di mana penduduk yang gagal mengasingkan sampah ini boleh dikenakan denda maksimum sehingga RM1,000. Ironinya, walaupun akta ini telah dikuatkuasakan, impaknya dilihat masih rendah.

Bagi memastikan kejayaan inisiatif pengasingan sampah di punca ini, kerajaan negeri akan membuat kajian lebih terperinci dan mengkaji model-model pengasingan sampah yang telah berjaya dilaksanakan di negara-negara lain supaya dapat diadaptasi dan dilaksanakan di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI EKONOMI DIGITAL

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan industri ekonomi digital di Negeri Selangor?

- b) Sejauh manakah tumpuan kepada pembangunan ekonomi digital dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa program dalam membantu industri ekonomi digital seperti Program Selangor Online 100 & Apps 100 anjuran Selangor IT E-Commerce Council (SITEC) yang mana program ini membantu usahawan kecil dan sederhana di Selangor untuk mengembangkan perniagaan mereka daripada kaedah tradisional ke arah perniagaan secara digital. Melalui Program ini mereka diberi peluang untuk memasarkan produk atau perkhidmatan perniagaan mereka melalui platform atas talian terbesar di negara seperti Lazada, shopee dan youbeli.com. Setiap tahun, seramai 100 usahawan dari negeri Selangor akan dilatih dan diberi pendedahan berkenaan dengan dunia perniagaan digital.

Sepanjang tempoh daripada tahun 2015 sehingga 2019 sebanyak 120 Kelas dan program telah dijalankan oleh SITEC dimana program-program ini memberi latihan dan pendedahan kepada usahawan mengikuti modul-modul yang telah ditetapkan seperti asas perniagaan online, pengurusan produk, pemasaran secara digital dan perkara-perkara lain yang penting dalam perniagaan secara atas talian. Jurulatih yang akan mengendalikan kelas pula adalah dari kalangan pakar daripada industri.

Di samping itu, SITEC telah mewujudkan SITEC ACADEMY atau laman web untuk semua orang mempelajari tentang perniagaan digital secara maya. Kesemua bahan-bahan daripada kelas, latihan dan program yang telah di adakan seperti video dan slide presentation akan di muat naik ke laman web SITEC Academy di

mana sesiapa sahaja boleh mempelajari tentang perniagaan secara atas talian di mana-mana dengan mudah. Boleh layari laman web www.sitecacademy.com untuk mengikutinya. Lebih daripada 100 video dan slide presentation telah di muat naik di laman web ini.

Semua program yang di anjurkan ini adalah secara percuma di mana usahawan-usahawan boleh mengikutinya dan ia diadakan sepanjang tahun.

Dari tahun 2015 sejak program ini telah di jalankan sebanyak 575 usahawan telah mengikuti program ini dimana anggaran GMV (Gross Merchant Value) daripada hasil jualan usahawan ini secara atas talian adalah RM 41 Juta

Dalam menghargai Usahawan digital ini pula, SITEC telah menganjurkan Anugerah *Malaysia Top E-Commerce Merchants Award* setiap tahun sejak tahun 2016. Anugerah ini bukan sahaja menghargai peniaga secara atas talian malah mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan peniaga tersebut sepanjang tempoh anugerah ini diadakan di mana peniaga yang layak mengikuti anugerah ini akan mengadakan kempen jualan secara atas talian dalam tempoh yang ditetapkan dan daripada itu mereka akan dinilai dari segi jumlah tempahan, jualan dan pengurusan web dan produk yang menarik. Sejak ianya diwujudkan pada tahun 2016, lebih daripada RM 120 Juta ringgit jumlah GMV (Gross Merchant Value) telah berjaya dihasilkan oleh lebih daripada 400 usahawan yang terpilih untuk memasuki anugerah Top E-Commerce Merchant Award ini.

- b) Kemunculan ekonomi digital akan mewujudkan peluang baru untuk aktiviti-aktiviti perniagaan dan keusahawanan di mana melaluinya akan dapat membuka jalan baru untuk usahawan-usahawan berkembang sama ada dalam negara ataupun luar negara. Ini akan membuka peluang pekerjaan baru dalam memenuhi hasrat perniagaan digital seperti pekerja yang mahir dalam pengurusan laman web (website) dan pemasaran digital. Di samping itu juga, sektor perniagaan digital juga akan menjadi lebih baik dari segi pembangunan infrastruktur teknologi dan logistik negara dan ramai tenaga mahir yang diperlukan dalam proses pembangunan tersebut.

Daripada jumlah Usahawan Digital dan Syarikat Startup yang berjaya dilahirkan melalui program-program di SITEC, setiap syarikat ini akan mewujudkan peluang pekerjaan baru untuk memacu perniagaan mereka ke arah digital di mana setiap syarikat ini akan mewujudkan antara 3 hingga 10 peluang pekerjaan dan daripada jumlah 575 usahawan dan 60 Syarikat startup ini anggaran lebih daripada 3,000 peluang pekerjaan baru telah berjaya diwujudkan.

Daripada program – program seperti, Program Selangor Online 100, Program Apps 100, Selangor Accelerator Program (SAP) dan Top E-Commerce Merchant Award, sepanjang tempoh 2015 hingga 2019 telah berjaya menghasilkan ekonomi impak sebanyak RM 200 juta GMV (Gross Merchants Value)

Impak Ekonomi:

- Usahawan E-Dagang (2015-2019) : RM 41 Juta
- Startup (2018-2019) : RM 26 Juta
- Top E-Commerce Merchants Awards (2016-2019) : RM 56 Juta
- Selangor Smart City & Digital Economy Convention(2016-2019) : RM 77 Juta

Sumber : Selangor Information Technology & E-Commerce Council (SITEC)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : MASJID PENGURUSAN JAIS

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah matlamat pelaksanaan pentadbiran masjid yang diletakkan di bawah pengurusan JAIS?
- b) Apakah pelaksanaan perkara tersebut tidak menyalahi undang-undang yang sedia ada?
- c) Adakah benar pemilihan masjid untuk diurus pentadbiran oleh JAIS hanya membabitkan masjid berdana tinggi kadarnya?

JAWAPAN:

a) Matlamat pelaksanaan pentadbiran masjid yang diletakkan di bawah pengurusan JAIS adalah untuk mewujudkan tadbir urus yang baik dan memaksimumkan fungsi ibadah, dakwah, pendidikan dan *Social Responsibility Concern (SRC)* di masjid, selaras dengan hasrat DYMM Tuanku dan MAIS.

b) Tidak.

Semua proses dibuat mengikut undang-undang berdasarkan seksyen 104(3) (*berhubung penubuhan jawatankuasa pengurusan masjid*) dan diwartakan dibawah seksyen 105 (*pewartaan*) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 setelah mendapat kelulusan Majlis Agama Islam Selangor dan diperkenankan oleh DYMM Tuanku.

c) Tidak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : SUMBER AIR MENTAH

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menubuhkan agensi penguatkuasa khas untuk memantau dan mencegah sumber air agar bekalan air bersih dalam negeri tidak tercemar?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) merupakan agensi pengurusan sumber air Negeri Selangor yang juga merupakan agensi ulung dan perintis kepada pengurusan sumber air negeri. Dengan adanya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, LUAS dilengkapi dengan peruntukan perundangan dan penguatkuasaan untuk melaksanakan tanggungjawab serta fungsinya dengan berkesan.

LUAS bermula daripada arahan Jemaah Menteri pada Julai 1997 yang meminta Kementerian Pertanian, seterusnya Kerajaan Negeri Selangor supaya mengkaji cadangan bagi menubuhkan satu badan untuk menguruskan sungai dan sumber air secara bersepadu dengan mengambil Sungai Selangor sebagai projek perintis dan Sungai "Thames" di United Kingdom sebagai model pelaksana.

Sehubungan dengan itu, penyelarasan peranan dan bidangkuasa antara agensi kerajaan negeri dan persekutuan telah dibuat bagi memastikan tidak wujud sebarang pertindihan fungsi dan tanggungjawab serta melancarkan perjalanan badan ini. Lalu LUAS ditubuhkan melalui kelulusan Dewan Undangan Negeri Selangor yang bersidang pada 9 April 1999. Penubuhan LUAS ini dilengkapi dengan sebuah enakmen iaitu Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

LUAS dipertanggungjawab untuk memastikan sumber air negeri, termasuk lembangan sungai, air bumi dan permukaan, tasik, kolam dan bekas lombong, serta pesisiran pantai Negeri Selangor supaya sentiasa berada di dalam keadaan terpelihara. Fungsi dan tanggungjawab ini dilaksanakan oleh LUAS melalui pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) dan juga pendekatan Pengurusan Pantai Bersepadu (ICM). Bagi melaksanakan fungsi-fungsi LUAS, pendekatan yang telah digunakan adalah Pelan Pengurusan

Bersepadu Lembangan Sungai (IRBM) dan juga Pelan Pengurusan Bersepadu Pantai (ICM). Aktiviti-aktiviti yang LUAS jalankan melalui pendekatan ini adalah:-

1. Pelesenan dan caj abstraksi sumber air.
2. Kebenaran bertulis bagi aktiviti-aktiviti perubahan sumber
3. Pelesenan pelepasan atau kemasukan bahan pencemar.
4. Pelesenan navigasi jalan air pedalaman.
5. Pelesenan pelencongan air bagi janakuasa elektrik.

LUAS diperkasakan dengan peruntukan perundangan dan penguatkuasaan berdasarkan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999. 17 fungsi utama LUAS berdasarkan Enakmen dapat dirumuskan kepada :-

- Menyelaras perhubungan dan kerjasama pelbagai agensi dalam negeri;
- Menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, pelan dan projek kerajaan;
- Menjaga kepentingan negeri dalam hal ehwal sumber air;
- Pengawalseliaan melalui perlesenan mengenai sebarang kegiatan dan aktiviti yang berhubungan dengan sumber air;
- Pengawalseliaan melalui penguatkuasaan;

LUAS juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor bagi menyelaras tindakan kecemasan secara segera dan bersepadu dengan semua pihak terlibat. Jawatankuasa ini juga memastikan semua pihak iaitu ahli-ahli Jawatankuasa mematuhi prosedur dan melaksanakan tindakan jangka masa panjang diambil dengan menyediakan segala kemudahan infrastruktur yang berkaitan bagi menangani masalah tumpahan minyak atau bahan pencemar lain. Jawatankuasa akan menyelaras tindakan kecemasan secara bersepadu dan jangka masa segera dengan semua pihak terlibat semasa kejadian kecemasan berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM 3W (WOMEN, WELFARE, WELLNESS)

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan Karnival 3W yang telah dianjurkan pada tahun 2019 dan apakah jumlah perbelanjaan untuk setiap Karnival 3W?
- b) Apakah KPI Karnival tersebut dan adakah ia dicapai?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) Karnival 3W telah dianjurkan melibatkan sembilan (9) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Baki tiga (3) penganjuran lagi akan diadakan pada bulan November dan Disember 2019 yang akan dianjurkan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Daerah Hulu Selangor. Kos penganjuran bagi setiap Karnival 3W adalah berjumlah RM100,000.00 dan kos keseluruhan bagi penganjuran dua belas (12) Karnival 3W adalah berjumlah RM1.2 juta. Kos penganjuran ini adalah melibatkan kos logistik, media, promosi, hadiah dan sebagainya.
- b) Program Karnival 3W adalah penambahbaikan kepada program Karnival Sihat Selangor di mana program ini menggabungkan ketiga-tiga portfolio di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga. Objektif utama karnival 3W adalah untuk mengumpul, menyampai dan menyebarkan maklumat berkaitan program dan aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh agensi kerajaan negeri dan persekutuan terutama program di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan dan Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor.

Karnival 3W turut membudayakan amalan hidup sihat dengan mendapat maklumat penjagaan kesihatan sebelum mendapat risiko penyakit. Dalam masa yang sama ia memberi peluang kepada masyarakat untuk yang mengetahui kemudahan kebajikan yang ditawarkan kepada golongan yang layak serta menggalakkan penglibatan kaum wanita sebagai ratu di dalam keluarga memastikan kesihatan keluarga di tahap yang baik.

Karnival 3W ini telah mendapat sambutan yang agak menggalakkan daripada rakyat negeri Selangor di mana kehadiran pengunjung yang dicatatkan secara

purata di setiap PBT adalah seramai 3000 orang. Karnival ini turut disiarkan dan dikomersialkan di laman-laman media sosial bagi menarik minat pengunjung. Setiap hantaran di laman sosial berkaitan Karnival 3W ini juga telah mendapat reaksi yang positif daripada pengguna laman sosial. Program ini akan terus dinilai dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar mencapai objektif yang telah ditetapkan.